

Newspaper

Berita Harian

Date

4 January 2016

# Lawatan PM ke Arab Saudi erat hubungan

» Najib turut temui pelajar, golongan profesional, tunai umrah

Oleh Mohd Hamizar Hamid dan Mohd Nasaruddin Parzi  
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**D**atuk Seri Najib Razak yang dalam rangka lawatan tiga hari ke Arab Saudi semalam, selesai menunaikan umrah, semalam.

Menerusi laman Facebooknya, Perdana Menteri bersyukur kerana diberikan kesempatan untuk mengunjungi rumah Allah bagi menunaikan ibadat itu.

“Labaik Allah humma labbaik. Alhamdulillah diberi kesempatan mengunjungi rumah Allah untuk menunaikan umrah semalam,” katanya.

Najib turut mengadakan pertemuan dengan lebih 200 pelajar Malaysia di Universiti Madinah.

Dalam lawatan kerja singkat itu juga, beliau sempat meluangkan masa makan tengah hari bersama rakyat Malaysia ketika berkunjung ke Restoran

BH - 4/1/2016  
“Makan tengah hari bersama rakyat Malaysia di Restoran FELDA D'Saji di Jeddah. Walau di mana kita berada, makanan Malaysia tetap di hati”

**Najib Razak,**  
Perdana Menteri

FELDA D'Saji di Jeddah.

“Makan tengah hari bersama rakyat Malaysia di Restoran FELDA D'Saji di Jeddah. Walau di mana kita berada, makanan Malaysia tetap di hati,” katanya menerusi laman Facebook.

Selain bertemu pelajar di Hotel Holiday Villa Madinah itu, turut sama diadakan pertemuan dengan golongan profesional Malaysia.

Dalam kunjungannya ke Madinah yang turut diiringi isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor, beliau juga berkesempatan ke Knowledge Economic City dan Muzium Dar Al Madinah Urban and Built Heritage.

Yang turut serta dalam la-



Najib menunaikan umrah ketika di Makkah sambil diiringi, dari kanan, Annuar, Yang Dipertua Persatuan Pelajar Malaysia Ummul Qura, Muhammad Syaharuddin Shahari dan Asyraf.

watan, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki; Pengerusi Tabung Haji, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim dan Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (MARA), Tan Sri Annuar Musa.

Sementara itu, Asyraf dalam Facebooknya berharap kunjungan Najib ke negara Arab itu akan mengukuhkan lagi hubungan dua hala.

## Hak mendarat

Beliau berkata, hubungan erat terjalin antara Najib serta Raja

Saudi memungkinan Malaysia satu-satunya negara yang mendapat hak untuk mendarat biarpun kapal terbang haji dari negara lain dilarang mendarat.

“Moga hubungan dua hala akan lebih kukuh sebagaimana sebelum ini sehingga manfaatnya dapat dirasakan oleh rakyat terutama yang menyentuh urusan haji seperti isu kuota.

“Bahkan setiap tahun kita mendapat *special treatment* (layanan istimewa) berkenaan dengan kuota tambahan dan banyak lagi,” katanya.